

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD MANAP  
[ SEKIJANG – BN ]**

**TARIKH : 19 JUN 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN (NO. 138)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah peruntukan yang diberi kepada persatuan-persatuan belia sejak 2010-2014; dan
- (b) berapakah jumlah peruntukan untuk pembangunan modal insan belia berbanding pembangunan sukan sejak 2010-2014.

SULIT

**JAWAPAN (a)**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan yang diberi kepada persatuan-persatuan belia sejak 2010 hingga Mei 2014 adalah sebanyak **RM101,103,077.00**.

**JAWAPAN (b)**

2. Manakala jumlah peruntukan untuk pembangunan modal insan belia bagi sektor kepimpinan dan pembangunan sosioekonomi sejak 2010-2014 adalah sebanyak RM142,655,000.00 manakala peruntukan latihan kemahiran adalah sebanyak RM749,906,600.00.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH  
[KUBANG KERIAN]**

**TARIKH** : **19 JUN 2014 (SELASA)**

**SOALAN** : **139**

**Tuan Ahmad Baihaki Bin Atiqullah [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan dengan berlakunya tragedi MH370 yang menggempar dan menyedihkan, serta tidak nampak jalan kearah penemuan pesawat mahupun penumpangnya, adakah pihak Kerajaan tidak bercadang untuk memanjangkan lagi landasan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu, supaya ia dapat dijadikan antara landasan selamat untuk mendarat terutamanya kepada pesawat-pesawat yang besar.

## **JAWAPAN:**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kubang Kerian, Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu telahpun dinaiktaraf oleh Kerajaan yang meliputi pemanjangan landasan dari 1,981 meter kepada 2,400 meter, pembinaan laluan taksi yang baru, apron helikopter. Projek ini telah siap sepenuhnya pada September 2011. Landasan tersebut adalah selamat untuk operasi penerbangan dan boleh mengendalikan operasi pesawat sehingga Boeing 737 atau Airbus 320. Buat masa ini pihak Kementerian tidak bercadang untuk memanjangkan lagi landasan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu.

Namun begitu, Kementerian menyedari keperluan untuk menaiktaraf Bangunan Terminal lapangan terbang ini dan telah mengemukakan permohonan siling kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU).